



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 8 OKTOBER 2024**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8.	JABATAN PERIKANAN PERAK RAMPAS IKAN HIASAN LARANGAN BERNILAI RM13,000, SUARA KINI -ONLINE 154 IKAN LARANGAN BERNILAI RM13,000 DIRAMPAS DI PERAK, BERNAMA -ONLINE ANCAMAN IKAN BANDARAYA, MUKA DEPAN, SH -1 IKAN ASING RANAPKAN TEBING SUNGAI, NASIONAL, SH -2 28,000 EKOR SUDAH DITANGKAP TAPI SUNGAI MASIH DIJAJAH, NASIONAL, SH -3 GANJARAN BARU 'SERIGALA MERAH' DI SELANGOR, NASIONAL, SH -3 ALIGATOR GAR, IKAN BONGKOK ANTARA 49 IKAN LARANGAN DIRAMPAS, NASIONAL, SH -3 TOURISM HUB PLAN FOR PULAU AMAN, NATIONAL, THE SUN -6	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA SERU NELAYAN SENTIASA AKTIF RAIH HASIL, TINGKAT PRODUKTIVITI, DAILY EKSPRESS -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11.	JETI DAIF, TENGGELAM SUKARKAN NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -31 KERJASAMA AGENSI PERTANIAN MUDAHKAN PROSES BANCİ, NEGARA, KOSMO -6	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Jabatan Perikanan Perak rampas ikan hiasan larangan bernilai RM13,000

BERITA PERAK

October 7, 2024(<https://suarakini.com.my/2024/10/07/>)



IPOH: Jabatan Perikanan Perak merampas lebih 150 ekor ikan hiasan larangan dalam serbuan di kedai-kedai akuarium seluruh negeri sejak 18 September lalu.

Jabatan Perikanan Perak Seberang merupakan:

Operasi pemutihan dan kesedaran ikan larangan di premis, kedai akuarium ikan hiasan di negeri Perak ini merupakan langkah proaktif Jabatan Perikanan Negeri Perak dalam mengawal sebarang aktiviti berkaitan dengan ikan sejajar dengan Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan import dan sebagainya bagi ikan)(Pindaan) 2024.

"Ikan larangan ditakrifkan sebagai spesis bukan asli yang diklasifikasikan berupaya memberi kesan negatif, bahaya kepada habitat atau ekosistem akuatik dan atau memberikan kesan kemudaratn kepada kesihatan dan kebajikan haiwan, termasuk juga nelayan-nelayan," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita semasa melakukan pemeriksaan di sebuah kedai akuarium di sini, hari ini.

Menurutnya, di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan import dan sebagainya bagi ikan)(Pindaan) 2024, adalah menjadi kesalahan mengimport, memiliki, menjual, memelihara, atau mempamer ikan-ikan berkenaan.

Jabatan Perikanan Perak rampas ikan hiasan larangan bernilai RM13,000



Mereka yang didapati bersalah menjalankan lima aktiviti itu boleh didenda sehingga RM1,000 atau penjara sehingga setahun, atau kedua-duanya sekali.

Mohd Zolkafly berkata, operasi itu turut memberi penerangan dan kesedaran berterusan berkenaan ikan larangan, bukan sahaja kepada pemain industri, malah turut diperluaskan ke rumah-rumah ibadat.

"Ia antara lain bagi mengekang pembelian ikan larangan dan dilepaskan ke perairan umum untuk tujuan aktiviti keagamaan," ujarnya.



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0024.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0029.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0028.jpg>)

(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0023.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0026.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0025.jpg>)

(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0022.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0021.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0017.jpg>)

(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0027.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0020.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0018.jpg>)



(<https://suarakini.com.my/wp-content/uploads/2024/10/IMG-20241007-WA0019.jpg>)

taip untuk carian

JENAYAH & MAHKAMAH > BERITA

154 Ikan Larangan Bernilai RM13,000 Dirampas Di Perak

🕒 07/10/2024 05:30 PM



Penguatkuasa Jabatan Perikanan Negeri Perak Anuar Firdaus Abd Samad melihat salah satu ikan larangan pada Program Kesedaran dan Operasi Pemutihan Ikan Larangan Di Premis/Kedai Akuarium Ikan Hiasan di sekitar Ipoh. Operasi yang dijalankan di Kampung Tawas, Ipoh, hari ini turut menyita lima spesies ikan larangan, termasuk 42 ekor ikan bongkok, tiga ekor alligator gar, dua ekor baung ekor merah, satu ekor flower horn, dan satu ekor gulper catfish, dengan nilai anggaran RM8,300. Jumlah keseluruhan rampasan adalah 154 ekor ikan bernilai RM13,000. -- fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

IPOH, 7 Okt (Bernama) -- Jabatan Perikanan (DOF)

Perak merampas 154 ekor ikan larangan dianggarkan bernilai RM13,000 dalam 24 operasi pemantauan (Ops Darat) melibatkan 30 premis di seluruh negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar,
Perdagangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak Datuk Mohd

Zolkafly Harun berkata rampasan terhadap ikan larangan itu melibatkan kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985.

Beliau berkata spesies ikan dirampas adalah spesies yang dilarang untuk mengimport, menjual, memelihara, mempamer atau menyimpan (5M) ikan hidup mengikut Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, DSB, Bagi Ikan) 1990 (Pindaan 2024), Seksyen 49 Akta 317.

"Sebanyak 15 premis yang diperiksa di Ipoh, Teluk Intan dan Ayer Tawar didapati melakukan kesalahan dan kita telah merampas 105 ikan larangan pelbagai spesies dianggar bernilai RM4,700.

"Operasi di Kampung Tawas, Ipoh hari ini pula menyita 42 ikan bongkok, *alligator gar* (3), baung ekor merah (2) dan masing-masing seekor *flower horn* dan *gulper catfish* dianggar bernilai RM8,300," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyertai Program Kesedaran dan Operasi Pemutihan Ikan Larangan di Premis/Kedai Akuarium Ikan Hiasan sekitar Ipoh yang turut dihadiri Pengarah Perikanan Perak Mohd Ghazali A Manap.

Terdahulu, Mohd Zolkafly turut mengadakan lawatan ke Kuil Guan Yin di sini bagi mengedarkan risalah dan poster ikan larangan yang tidak boleh dilepaskan ke sungai ketika ritual keagamaan dan membayar nazar.

Sementara itu, Mohd Ghazali berkata semua peniaga ikan

larangan yang mampu memberi risiko kepada ekosistem sungai.

Beliau berkata pihaknya sentiasa menjalankan pemantauan dan pemeriksaan terhadap kedai ikan hiasan bagi memastikan larangan terbabit dipatuhi.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

dof

ikan larangan

operasi

baung ekor merah

mohd zolkafly harun

BERITA BERKAITAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2024	SINAR HARIAN	MUKA DEPAN	1



ANCAMAN IKAN BANDARAYA

2 & 3

TABIAT ikan bandaraya yang gemar membina sarang dengan cara mengorek tebing sungai akan menggalakkan berlaku kejadian hakisan, malah boleh menyebabkan risiko jalan runtuh. Ia juga memberi kesan kepada habitat sungai sedia ada.

8/10/2024

SINAR
HARIAN

NASIONAL

2

Ikan asing ranapkan tebing sungai

Dorong hakisan, antara punca tanah, jalan raya runtuh

Oleh NOR SYAMIRA LIANA
NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Peningkatan mendadak jumlah ikan bandaraya di sungai utama berhampiran kawasan bandar mampu mempercepat proses hakisan tebing sekali gus boleh mencetuskan kejadian tanah dan jalan raya runtuh.

Pakar Penyakit dan Ekologi Ikan, Jabatan Biologi, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia, Profesor Dr. Mohammad Noor Azmi berkata, pertambahan itu direkodkan hasil daripada data penyelidikan dan pemerhatian terhadap situasi semasa.

Menurutnya, ikan bandaraya akan membuat lubang sedalam satu hingga dua kaki untuk mengawan dan melepaskan telur yang telah disenyawakan.

Disebabkan ikan ini wujud dalam jumlah besar, maka lubang yang dibuat di tebing-tebing sungai, parit dan terusan



Ikan bandaraya ibarat musuh kepada ikan asid selain menjadi ancaman kepada alam sekitar.

sungai malah manusia juga. Jika ikan bandaraya mengorek tebing sungai begitu dalam maka tidak mustahil, jalan raya akan runtuh, ujarnya.


Kata Mohammad Noor Azmi lagi, ikan berkenaan juga tidak diakui penguasanya kolam ikan kerana ia akan membuat lubang yang melunahkan struktur tebing. Jelasnya, kerosakan yang terjadi disebabkan ikan asing itu akan meningkatkan kos pembaikan tebing kolam ternakan.

Mohammad Noor Azmi turut memberitahu ikan asing semakin mendominasi perairan air tawar tempatan sehingga memberi impak negatif kepada biodiversiti dan ekologi habitat tersebut.

Antara jenis ikan tersebut termasuklah bandaraya, baung ekor merah, tilapia, kali afrika, patin siam, peacock bass dan mides cichlid.

Sementara itu, Presiden Persatuan Ekologi Malaysia, Profesor Dr Ahmad Ismail berkata, akibat kurang pengetahuan dan kesedaran tentang risiko melepaskan ikan peliharaan ke habitat semula jadi air tawar termasuk sungai dan tasik, menyebabkan ikan asing semakin mendominasi kawasan berkenaan.

SPESES UTAMA IKAN PENJAJAH DI SUNGAI MALAYSIA



IKAN ASAL YANG TERANCAM

- kelah
- temoleh
- jeliwat
- lampam
- tengalan
- kekal
- terbul
- sebaru
- baung
- udang galah

- Sungai Kluang
- Sungai Kuyoh
- Sungai Klang
- Sungai Keroh
- Sungai-Jinjang
- Sungai Gombak
- Sungai Batu

Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) serta universiti.

Jelas beliau, NRES wajar menubuhkan satu jawatankuasa pakar berserta dana khas dalam usaha menamatkan ancaman spesies asing berkenaan.

"Penyelesaian segera diperlukan sebelum ia lebih parah kerana masih banyak maklumat tentang kepelbagaian biologi ekosistem akuatik yang belum diketahui.

"Ikan asing ini khususnya bandaraya dikatakan sangat cepat membiak dan merosakkan tebing sungai sehingga boleh menyebabkan ia runtuh selain memberi kesan jangka panjang berupa hakisan," jelas Ahmad.



AHMAD ISMAIL

Menurutnya, ikan asal seperti sebaru, temoleh, toman, lampam, baung, kelah dan lain-lain tidak mampu bersaing dengan ikan asing.

"Perkara ini tidak boleh dipandang ringan kerana ia sedang mengancam kepelbagaian biologi negara," katanya. Ahmad menggesa agar kajian terperinci dilakukan segera melalui



Kedudukan tebing sungai yang dikorek oleh ikan bandaraya.

22 tan ikan bandaraya berjaya ditangkap dalam tempoh dua tahun

SHAH ALAM

28,000 ekor sudah ditangkap tapi sungai masih dijajah

Kemerosotan hidupan asal akibat ancaman ikan bandaraya dan baung ekor merah menjadi punca utama kewujudan komuniti pemburu ikan asing di negara ini.

Pengasas Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya, Mohamad Haziq A Rahman berkata, dia memulakan pemburuan ikan tersebut pada penghujung tahun 2022.

"Jumlah keseluruhan tangkapan daripada ekspedisi pertama sehingga September 2024 adalah 28,058 ekor dengan berat 22 tan atau 22,000 kilogram secara keseluruhan."

"Jumlah itu merangkumi tangkapan di beberapa negeri termasuk Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor dan Kuala Lumpur," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, Selangor dan Kuala Lumpur mencatatkan tangkapan paling tinggi khususnya di Lembah Klang.

Tambahnya, dapatan untuk lapan jam pencarian ikan bandaraya di Sungai Klang dan Sungai Langat

boleh mencecah seberat 10 tan.

Ditanya mengenai kos untuk menangkap ikan asing itu, Mohamad Haziq berkata, pihak persatuan menempah jala khas berharga RM500 seunit untuk pemburuan ikan bandaraya. "Dalam usaha menangkap ikan asing ini, jala yang dijual di kedai tidak boleh digunakan kerana material dan jalinan antara tali tidak sesuai."

"Jadi kita akan tempah jala khas yang dibuat menggunakan tangan. Setiap tiga atau empat kali penggunaannya, ia perlu diselenggara (perbaiki koyakan dan tali yang putus)," ujarnya.

Seorang lagi pemburu ikan bandaraya, Mohd Nur Badri Mat Sidik, 42, berkata, dia menyedari hidupan berkenaan mula mendominasi apabila aktiviti memancing dan menjala ikan sungai tidak seperti sediakala.

"Saya menjadikan aktiviti menjala sebagai pendapatan sampingan, namun hasil kian terjejas kerana setiap kali jala dilemparkan, hanya ikan bandaraya sahaja yang diperoleh."



Sebanyak 22,000 kilogram berjaya ditangkap oleh ahli Pertubuhan Komuniti Pemburu Ikan Bandaraya sejak penghujung 2022.

"Menyedari keadaan itu, saya mula memburu ikan tersebut pada tahun 2022 sebelum bergerak secara berkumpulan," ujarnya.

Menurutnya, jika dia tidak berbuat demikian maka hidupan sungai dan tebing akan musnah kerana ikan bandaraya bertelur dengan cara menebuk dinding sungai.

Kesan daripada aktiviti ikan bandaraya itu, Mohd Nur Badri memaklumkan, ia akan mendorong kepada hakisan sekali gus menyebabkan dasar sungai

menjadi cetek.

"Sifat ikan bandaraya ini, ia tidak akan berkongsi lubang dengan ikan lain. Jika mahu bertelur, ia akan mengorek lubang baharu."

"Jika ada 1,000 ikan mahu bertelur maka 1,000 lubang baharu akan ditebuk. Dalam hal ini, kita boleh bayangkan kemusnahan sungai disebabkan ikan ini," ujarnya.

Sementara itu, pemburu ikan baung ekor merah, Muhammad Faizal Mohd Rashid, 39, berkata, dia memulakan penangkapan

hidupan berkenaan pada Oktober tahun lalu.

Menurutnya, sepanjang tempoh itu sehingga kini, dia berjaya menangkap 100 ekor ikan yang berat keseluruhan hampir mencecah satu tan.

Kata Muhammad Faizal, punca utama yang mendorong pemburuan itu adalah disebabkan hasil tangkapan ikan asal daripada aktiviti memancing semakin berkurangan.

"Sebaik sahaja mengetahui ikan baung ekor merah ini mengganggu ekosistem sungai, saya terus memulakan penangkapan hidupan itu."

"Setakat ini, aktiviti pemburuan ikan itu hanya dilakukan di sungai berhampiran Universiti Selangor (Unisel) cawangan Bestari Jaya," ujarnya.

Tambah Muhammad Faizal, masa dan mencari lokasi keberadaan ikan baung ekor merah menjadi cabaran utama dalam aktiviti penangkapan itu.

"Aktiviti penangkapan biasanya dilakukan pada waktu malam dan lokasi ikan ini tinggal sukar untuk ditemukan."

"Untuk kita tahu tentang keberadaan hidupan ini sangat sukar. Bukan itu sahaja, ikan baung ekor merah juga memiliki sifat malas untuk bergerak. Umpan hanya akan dimakan apabila ia berada di hadapannya," jelasnya.

Ganjaran buru 'serigala merah' di Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan negeri mempertimbang pemberian ganjaran kepada mereka yang berjaya menangkap ikan baung ekor merah bagi mengurangkan populasi ikan pendatang itu di Sungai Selangor.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sebelum ini insentif RM1 telah ditawarkan bagi setiap kilogram tangkapan ikan bandaraya sebagai langkah memulihara sungai dan spesies tempatan.

"Saya yakin macam mana kita tangani ikan bandaraya begitu juga tawaran untuk menangkap ikan baung ekor merah seperti sebab ia mengganggu ekosistem."

"Ini mungkin langkah-langkah di bawah Jabatan Perikanan dan saya akan dapatkan perincian. Hal ini akan dibincangkan dengan terperinci



FOTO: GRUP RMH

Seekor ikan baung ekor merah seberat 30 kilogram berjaya didaratkan memancing di Sungai Selangor.

oleh Exco Infrastruktur dan Pertanian Selangor, Ir Izham Hashim," katanya kepada *Sinar Harian*.

Terdahulu, baung ekor merah yang turut digelar 'serigala merah' kembali menarik perhatian kalangan kaki pancing susulan Jabatan Perikanan (DOF) Negeri Selangor dan Universiti Malaysia

Terengganu menawarkan ganjaran wang tunai.

Tawaran itu menyebut, sebanyak RM50 diberikan kepada yang berjaya menangkap ikan berkenaan yang mempunyai tag atau bertanda di sekitar Sungai Rantau Panjang, Bestari Jaya bermula Ogos lalu sehingga 30 September.

Aligator gar, ikan bongkok antara 49 ikan larangan dirampas

IPOH - Jabatan Perikanan Negeri Perak menyita 49 ekor ikan larangan termasuk tiga aligator gar dianggarkan bernilai RM8,300 dalam satu pemeriksaan di sebuah premis ikan hiasan di Kampung Tawas di sini pada Isnin.

Operasi itu turut menemui dua *amazon redtail*, 42 ikan bongkok atau *geophagus* dan seekor *gulf catfish* serta *flower horn*.

Pemilik premis berusia 40-an mengakui membela ikan pemangsa tersebut sejak 10 tahun lalu atas alasan tidak mengetahui peraturan yang ditetapkan.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd Zolkafly Harun berkata, lang-

kah proaktif itu diambil bagi mengawal sebarang aktiviti berkaitan dengan ikan larangan sejajar Peraturan-Peraturan Perikanan (Larangan Import, dsb, Bagi Ikan) (Pindaan) 2024.

Menurut beliau, peraturan tersebut telah menyenaraikan tujuh genus ikan larangan iaitu *serrasalmo*/ *serrasalmo*/ *pygocentrus*/ *catoprian*, *pygopristis*, *colossoma*/ *piaractus*, *Mylossoma*, *Mylopus*/ *Myleus*, *pristobrycon* dan *myletes*.

"Operasi ini diadakan bagi memantau premis atau kedai ikan hiasan yang menjalankan aktiviti mengimport, memiliki, menjual, menternak dan memamer (5M). Premis 5M adalah diwajibkan berdaftar dan mendapatkan Sijil Kebenaran Ikan Larangan daripada Jabatan Perikanan Malaysia," katanya.



Anessee (centre) and Adnan (second from right) join officials at the event to release fish at the Pulau Aman beach. – **BERNAMAPIC**

Tourism hub plan for Pulau Aman

BATU KAWAN: The implementation of several projects by the Public Service Department, including upgrading basic facilities through the *Madani* Adopted Village programme, will breathe new life into the Pulau Aman fishing village here.

Its deputy director-general (Development) Datuk Dr Anessee Ibrahim said the initiative would not only improve quality of life for the people, but also change the landscape by making Pulau Aman a competitive art and heritage tourism island, and a tourism hub that is on par with other tourism destinations.

"The department has received an allocation of RM2.5 million from the Finance Ministry to implement the project and we have spent RM2.32 million for physical and non-physical projects.

"So far, several physical projects have been completed, namely the repair of public toilets, playgrounds and drains, upgrade of a garbage collection centre, jetty and multipurpose hall, the repair of drains as well as the installation of streetlights," Anessee said during the Pulau Aman *Madani* Adopted Village physical project handover ceremony and MyKP Programme here on Sunday.

The event was also attended by Fisheries Department director-general Datuk Adnan Hussain.

Anessee said the non-physical projects that have been implemented include enhancing the

vibrancy of the village through infrastructure improvements, beautifying children's playgrounds, creating murals at Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Aman, painting Masjid Ar-Rahman and cleaning up the beach.

For social and humanitarian services, he said sessions with retirees and courses on educational digitalisation, Microsoft Office and Canva, and human capital development courses such as homestay management and language courses have been organised by the Intan Northern Region Campus.

As an initial step to develop Pulau Aman as a tourism hub, Anessee said the department, in collaboration with the Fisheries Department, Pulau Aman Fishing Community (MyKP), South Seberang Perai district and land office and the Civil Defence Force is also organising the 2024 Pulau Aman MyKP Fishing Competition.

In addition, a total of 1,600 juvenile barramundi, 1,000 juvenile snapper and 1,000 red-legged shrimp were released along the beach at Pulau Aman, that is expected to benefit the Pulau Aman fishermen community.

Pulau Aman is a traditional fishing village covering an area of 116.5ha located about 8km from the Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Bridge, and is home to 47 families with a population of 250.

The island is accessible via a boat ride of about 10 minutes from the Batu Musang Jetty in Batu Kawan. – **Bernama**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/10/2024	DAILY EKSPRES	ONLINE	

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia seru nelayan sentiasa aktif raih hasil, tingkat produktiviti



FAIZ (tengah) menyerahkan enjin sangkut 15hp kepada salah seorang nelayan PNK Kudat.

KUDAT: Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menasihatkan nelayan di negara ini agar sentiasa aktif meraih hasil laut, meningkatkan produktiviti dan pendapatan sekaligus tidak sesekali memberi ruang dan peluang kepada nelayan asing mengaut keuntungan hasil laut di perairan negara.

Pengerusinya, Faiz Fadzil berkata, nelayan harus menyedari bahawa LKIM sentiasa meletakkan mereka sebagai keutamaan untuk dijaga dan dimajukan bagi memastikan mereka terus bergiat aktif menjana pendapatan dan mengeluarkan hasil laut untuk negara.

Jelas Faiz, LKIM pada dasarnya terus komited memainkan peranan disamping menggandakan usaha menekankan komitmen bagi memperbaiki taraf sosio-ekonomi nelayan serta meningkatkan produktiviti serta melonjak taraf hidup nelayan di seluruh negara.

Faiz berkata, apa yang paling penting adalah, nelayan harus terus menghargai segala insentif, subsidi dan apa juga bentuk sokongan dan bantuan daripada kerajaan dalam usaha menyantuni dan memajukan komuniti nelayan.



Faiz berkata demikian ketika berucap pada majlis Ramah Mesra Madani bersama nelayan kawasan Kudat di Perkarangan Kedai Nelayan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kudat pada Sabtu.

Pada majlis, Faiz menyerahkan bantuan peralatan penangkapan ikan iaitu tiga gulung pukat dan sebuah kotak insulasi 100 liter kepada seramai 40 nelayan serta sebuah enjin sangkut 15hp kepada

salah seorang nelayan dibawah Program Peningkatan Kapasiti Nelayan B40.

Katanya, bantuan tersebut bertujuan untuk meningkatkan produktiviti nelayan dalam kalangan kumpulan B40, dengan harapan agar penggunaan peralatan yang moden dan cekap dapat menggandakan hasil tangkapan serta meningkatkan pendapatan nelayan.

Faiz juga pada majlis turut merasmikan Kedai Nelayan PNK Kudat yang merupakan Kedai Nelayan PNK pertama di negeri Sabah diwujudkan bagi memajukan aktiviti ekonomi nelayan di kawasan ini.

Hadir sama pada majlis, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan) Zarina Abdul Latif, Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Rashima Baharuddin, Pengarah Bahagian Pembangunan Masyarakat dan Pertubuhan Nelayan, Norfajarwati Baharuddin dan Pengarah LKIM Sabah, Mohd Jamil @ Jomiun Abdullah.

Faiz berkata, majlis ini mencerminkan komitmen LKIM dalam meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi komuniti nelayan di Malaysia, sejajar dengan aspirasi kerajaan untuk memastikan golongan B40 tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara.

“ Kita (LKIM) tidak pernah lupa jasa saudara (nelayan) bertungkus lumus menangkap ikan demi semua, sebab itu, enam daripada 16 PNK di negeri ini telah saya lawati bagi melihat dan mencari tahu sendiri keperluan, permasalahan, dan sebagainya untuk ditambah baik, katanya.

Untuk rekod, LKIM mengurus 48 buah pelabuhan atau kompleks pendaratan ikan di seluruh negara, mendaftar dan menyelia 105 persatuan nelayan merangkumi 91 PNK, 13 Persatuan Nelayan Negeri dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat).

Penubuhan LKIM menumpukan untuk memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan khususnya peningkatan pendapatan selain memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/10/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Jeti daif, tenggelam sukarkan nelayan

PASIR SALAK: Kira-kira 30 nelayan darat Sungai Kinta di sini bimbang pendapatan mereka terjejas berikutan jeti di Kampung Batang Pelanduk di sini ditenggelami air sungai yang naik sehingga melimpahi tebing.

Keadaan bertambah buruk apabila air sungai naik mendadak disebabkan fenomena air pasang besar dan hujan berterusan ketika ini.

Wakil nelayan Kampung Batang Pelanduk, Ibrahim Shafie, 67, berkata, jeti tersebut sudah tenggelam sejak beberapa hari lalu menyebabkan nelayan tidak dapat turun ke sungai untuk menangkap ikan.

Katanya, selain hasil tangkapan yang kurang akibat fenomena air pasang besar, nelayan juga sukar untuk menggunakan jeti yang ditenggelami air.

Jelasnya, Sungai Kinta sering dikunjungi kaki pancing kerana terkenal dengan ikan air tawar seperti lampam, baung, patin, tengalan dan pelbagai spesies lain.

“Jeti ini tempat nelayan untuk meletakkan sampan atau bot dan peralatan menangkap

ikan. Namun sejak jeti ini dinaiki air sungai, jeti ini tidak lagi dapat digunakan dan menjejaskan kami untuk ke sungai menangkap ikan.

“Selain itu, jeti ini semakin daif dan perlu dibaik pulih. Jeti ini juga merupakan pelantar buat nelayan untuk menaikkan hasil tangkapan dan ada juga yang datang ke sini untuk membeli hasil tangkapan kami.

“Jika jeti ini tidak diperbaiki, kami bimbang jeti ini akan roboh kerana keadaannya yang tidak lagi sesuai digunakan,” katanya.

Katanya, keadaan jeti itu juga membahayakan nelayan yang menggunakannya kerana keadaannya yang sudah bergoyang selain terdapat mendapan pada struktur binaannya.

“Semakin lama digunakan, kami dapat merasakan jeti ini sudah semakin bergoyang. Keadaannya juga semakin mendap, pagar di sekitar jeti ini juga sudah rosak.

“Nelayan darat di sini berharap jeti ini diperbaiki atau dibina baharu supaya lebih kukuh dan selamat untuk kegunaan nelayan di sini,” katanya.



NELAYAN memeriksa bot mereka berhampiran jeti yang tenggelam akibat air Sungai Kinta melimpahi tebing di Kampung Batang Pelanduk dekat Pasir Salak, semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Kerjasama agensi pertanian mudahkan proses banci

PETALING JAYA – Jabatan Perangkaan (DOSM) sehingga 3 Oktober lalu berjaya mencapai 100 peratus bagi proses Banci Pertanian 2024 di seluruh negara dengan pecahan sebanyak 1,179,173 (100.1 peratus) tempat kediaman serta sebanyak 18,318 (92.7 peratus) pertubuhan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, angka tersebut daripada sejumlah 1,197,309 pegangan pertanian terlibat dalam pembancian dengan bilangan tempat kediaman sebanyak 1,177,556 (98.4 peratus) dan pertubuhan sebanyak 19,753 (1.6 peratus).

Menurutnya, menerusi operasi bancian yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan pula, ia mencapai 103.1 peratus untuk tempat kediaman dan 126.3 peratus pertubuhan yang menjalankan pertanian.

“Daripada lawatan itu, sebanyak 99.3 peratus tempat kediaman pertanian dan 79.2 peratus pertubuhan pertanian daripada keseluruhan selesai dibanci.

“Ia diperoleh dengan kerjasama penuh daripada semua pihak terutama pengusaha dan agensi pertanian di Labuan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan



MOHD. UZIR (tengah) melawat perusahaan ikan bilis di Kampung Bebuloh Laut di Labuan Jumaat lalu.

Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar,” katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd. Uzir merangkap Pesuruhjaya Banci berkata, Banci Pertanian 2024 penting untuk melengkapi proses pengumpulan data pertanian di peringkat hulu-an merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan dan akuakultur, selain perhutanan dan pembalakan.

“Banci Pertanian menyediakan data utama tentang profil pegangan pertanian seperti mak-

lumat demografi, hasil pertanian, kos input, saiz ladang, penggunaan dan pemilikan tanah, mekahanisasi serta penggunaan teknologi.

“Statistik pertanian ini digunakan untuk merangka dasar dan program jangka pendek dan panjang serta meningkatkan keterjaminan makanan, produktiviti serta mempromosikan pertanian mampan,” jelasnya.

Terdahulu, DOSM melaksanakan Banci Pertanian 2024 bermula 7 Julai sehingga 10 Oktober ini.